

AS mahu Bashar henti konflik

Washington beri amaran tindakan 'tegas dan wajar'

Washington

Amerika Syarikat (AS) memberi amaran kepada Syria kelmarin, ia akan mengambil langkah 'tegas dan wajar' sebagai tindak balas pelanggaran gencatan senjata, menyuarakan keprihatinan terhadap laporan operasi ketenteraan yang akan berlaku di zon bebas tentera di barat daya negara itu.

Washington juga memberi amaran kepada Presiden Bashar al-Assad supaya tidak memburukkan lagi konflik itu.

"Sebagai penjamin zon bebas tentera dengan Russia dan Jordan, AS akan mengambil tindakan tegas dan wajar sebagai reaksi terhadap pelanggaran dilakukan rejim Assad," kata jurucakap Jabatan Negara, Heather Nauert, dalam satu kenyataan lewat kelmarin.

Beliau juga memberi amaran kepada rejim Syria supaya tidak melakukan

Fakta nombor

300 MILITIA pro-Assad maut

30 PERATUS kawasan Deraa dikawal rejim



[FOTO AFP]

Rejim Syria dan pasukan sekutunya mengambil alih Yarmuk di selatan Damsyik, memberi kawalan penuh ke atas Assad di ibu kota Syria dan sekitarnya.

sebarang tindakan yang berisiko memburukkan lagi konflik atau membahayakan gencatan senjata yang disahkan Presiden Russia Vladimir Putin dalam satu mesyuarat di Vietnam November lalu.

Pemantau perang beribu pejabat di Britain, Pemerintah Hak Asasi Manusia Syria (SOHR), Rabu lalu melaporkan, tentera rejim Syria yang meraikan kejayaan mereka ke atas Daesh minggu ini di selatan Damsyik mara ke wilayah selatan di Deraa.

Gugur risalah di Deraa Rejim Syria dan pasukan sekutunya mengambil alih Yarmuk di selatan Damsyik, memberi kawalan penuh ke atas Assad di ibu kota Syria itu dan sekitarnya buat kali pertama sejak 2012.

Media Syria melaporkan, pesawat

kerajaan menggurkan risalah di kawasan dikuasai pemberontak di Deraa, menggesa pejuang melarikan senjata.

Tentera kerajaan dan sekutunya mengawal kira-kira 30 peratus Deraa, bakinya ditawan pelbagai kumpulan serpihan termasuk kumpulan kecil Daesh.

Amaran AS dikeluarkan beberapa minggu selepas serangan sama di zon bebas tentera di timur laut Syria dilakukan Pasukan Demokratik Syria (SDF) disokong Washington.

Tentera darat dan udara AS terlibat dalam serangan lebih empat jam, mengorbankan sehingga seramai 300 anggota militia pro-Assad, kebanyakannya tentera upahan Russia.

Disokong pesawat perang Russia, tentera darat dari Iran dan militia sekutu, termasuk Hizbullah, mem-

bantu Assad menguisir pemberontak dari bandar terbesar Syria, melainkan beliau dalam kedudukan tidak boleh ditembusi tentera.

Kedudukan terkuat

Mereka menawan semula semua baki wilayah ditakluki pemberontak berhampiran Damsyik sejak beberapa minggu lalu, termasuk wilayah Timur Ghouta, juga kawasan lain di tengah Syria.

Kerajaan kini berada dalam kedudukan terkuat sejak beberapa bulan pertama perang pada 2011, walaupun masih jauh untuk mencapai sasaran Assad mendapatkan semula seluruh Syria.

Kejayaan rejim itu membawanya ke satu tahap di mana sebarang kempen tentera baharu berisiko melatakannya dalam konflik dengan kuasa asing.